

SULIT
02/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2003
1 ½jam

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA 1
62250 PUTRA JAYA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2003

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Berfikirlah dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang tidak dikehendaki itu sehingga bersih dan kemudian **hitamkan** pilihan anda yang baru.

SULIT

Soalan 1 hingga soalan 6

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pokok hiasan digubah bentuknya sejak beratus-ratus tahun yang lampau di Mesir dan China. Masyarakat di negara tersebut telah berjaya mengkatikkan pokok untuk menjadi hiasan taman. Hiasan ini amat popular dengan panggilan bonsai.

Menurut pakar bonsai Britain, Peter D Adams, bonsai turut menjadi kegilaan masyarakat di negara Jepun sekitar 1300 Masihi. Mereka menceduk idea seni halus tumbuhan dari Negara China ini dengan melakukan pengubahsuaian hiasan bagi menghasilkan suatu penghasilan yang lebih bernilai.

Hingga kini minat untuk mengkatikkan pokok sudah merebak ke seluruh dunia. Masyarakat di tiap-tiap negara di dunia menggunakan pokok tempatan di negara mereka dengan mengubahnya agar kelihatan unik dan menarik. Oleh itu terdapat pelbagai cara dilakukan termasuk menghasilkan pokok hiasan alam bonsai dengan mengawal selia dan melakukan cantasan daun dalam bentuk topiari sekiranya pokok pilihan tidak sesuai dikatikkan.

Bonsai yang bernilai tinggi lebih berasaskan kepada saiz yang kecil, ditanam dalam pasu, keunikan bentuk batang dan dahannya, susunan rantingnya, akar yang diproses semula, dan pokok hiasan tersebut digabungkan dengan gubahan batu yang memiliki keindahan yang tersendiri. Hal ini bermakna, penghasilan bonsai berjaya dilakukan dengan teknik yang tersendiri yang membabitkan usaha mendapatkan baka pokok, pemotong akar, jenis tanah, kaedah penyiraman, pembajaan, cantasan, mencipta bentuk batang dan menyediakan ruang yang sesuai, dan cara untuk mengawal penyakit serta perosak.

Untuk mendapatkan pokok bonsai hiasan, langkah pertama yang harus dilakukan oleh peminat bonsai ialah memungut pokok biasa yang dianggap sesuai untuk dikatikkan. Pokok yang terserlah keindahannya oleh unsur alam perlulan diberikan keutamaan. Pokok-pokok ini boleh digali dengan menggunakan peralatan seperti sudip, cangkul, gergaji, pemangkas, gunting Jepun, karung plastik atau guni, bekas semburan air, dan tali.

Pasu yang cantik pula akan dapat menyerlahkan pokok yang dikatikkan. Pasu yang digunakan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu lubang pengairan supaya tanah tidak mengekalkan kelembapannya yang berterusan. Hal ini kerana air yang bertakung akan menyebabkan akar pokok mudah diserang penyakit dan mengalami proses pereputan.

Selain itu, penggunaan 70 peratus tanah campuran pasir kerikil dengan 30 peratus bahan organik yang dihasilkan daripada daun reput adalah juga diperlukan. Namun demikian, kesesuaian spesies pokok perlu juga diambil kira dalam mendapatkan pokok hiasan bonsai ini.

1	Apakah yang dimaksudkan dengan bonsai?
A	Mengubah pokok asal dengan tujuan menjadikannya kelihatan menarik.
B	Gubahan pokok hiasan batu yang direka cipta di dalam pasu bunga.
C	Mengkatikkan pokok bagi menghasilkannya sebagai hiasan taman yang lebih bernilai.
D	Mengubah pokok dengan cara melakukan cantasan daun dalam bentuk topiari yang lebih menarik.

2	Mengapakah bonsai kini begitu diminati di seluruh dunia?
A	Kerana kos menghasilkannya murah.
B	Kerana proses penjagaannya mudah.
C	Kerana bentuknya unik dan menarik
D	Kerana pokok hiasan menjadi lebih bernilai.

3	Menghasilkan pokok hiasan bonsai memerlukan langkah-langkah yang berikut kecuali .
A	Memungut pokok yang sesuai untuk dikatikkan.
B	Menyimen pokok hiasan di dalam pasu supaya teguh.
C	Mencampurkan 70 peratus tanah berpasir dengan 30 peratus bahan organik.
D	Membina lubang pengaliran air di dalam pasu yang cantik bagi menyerlahkan kecantikan pokok.

4	Kriteria yang paling utama untuk memilih pokok yang hendak dikatikkan ialah
A	Melihat saiz pokok yang kecil.
B	Keunikan bentuk batang dan dahannya.
C	Melihat susunan ranting yang banyak.
D	Pokok terserlah keindahannya oleh unsur alam.

5	Dari manakah masyarakat Jepun mendapat idea untuk menghasilkan pokok hiasan ala bonsai?.
A	China
B	Mesir
C	Britain
D	Mesir dan China.

6	Apakah tajuk yang paling sesuai bagi petikan di atas?
A	Seni Reka Hiasan Taman
B	Pokok Hiasan Bonsai.
C	Asal Usul Tanaman Bonsai.
D	Cara-cara Menghasilkan Bonsai.

Soalan 7 hingga soalan 12

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

ANGIN:	<i>(Tersenyum lebar)</i> Kau ketinggalan zaman rupanya. <i>(Ketawa besar)</i> Bukankah zaman sekarang orang pakai washing machine yang boleh mengeringkan terus pakaian? <i>(Mengejek)</i> dan apa perlunya kau itu lagi?
MATAHARI:	<i>(Marah bukan main)</i> Cis! Angin. Kau pun apa kurangnya? Kau seperti lupa bahawa zaman sekrang tidak perlu ada kau lagi. Untuk mendinginkan tubuh manusia, mereka telah mencipta kipas angin dan penyaman udara!
ANGIN:	Ahhhhh, bagaimana kalau penyaman udara mereka rosak? <i>(Mengejek sinis)</i> Tentu mereka akan memanggil aku. "Wahai angin datanglah kau! Duhai angin berhembuslah..... <i>(Tersenyum lebar)</i> Datanglah bertiup sepoi-sepoi bahasa, agar kami merasa nikmatnya."
MATAHARI:	Kau hanya berangan-angan Angin! <i>(Mengejek jijik)</i> Kau jangan lupa jika pakaian mereka lembap, mereka juga akan memanggil aku kau tahu? <i>(Menyindir)</i> lalu mereka pun berkata dan merayu kepadaku, "Wahai Matahari. Muncullah segera engkau mengeringkan pakaianku. Muncullah Matahari, Matahariku tersayang!"
ANGIN:	<i>(Gelak-gelak mengejek)</i> Nampaknya antara kita....,tidak ada sesiapa pun yang mahu mengalah. Kita perlu beradu nasib. Aku cadangkan, satu pertandingan yang khusus perlu dlaksanakan. Dan kita mesti memanggil saksi-saksi serta panel hakim bagi penentuan. <i>(Tersenyum lebar)</i> .
MATAHARI:	<i>(Mengangguk)</i> Cadanganmu baik sekali! Dan aku terima cabaranmu itu! Sudahlah Angin ... Memang dasar kamu begitu. Bila baik semuanya hakmu. Tapi kau jangan pula lupa, akibat kau juga manusia bergaduh!, Ya, mereka mengatakan adanya khabar-khabar angin membuatkan fitnah berleluasa! Tapi tidak ada pula khabar matahari yang mengadu dombkan manusia. Betul tak? <i>(Menuding jarinya kepada Angin)</i>
ANGIN:	<i>(Marah semula dengan meninggikan suaranya)</i> Hei, Matahari! Kau masih berdegil ya. Nanti aku akan panggil temah setiaku ribut untuk menghapuskan kamu semua. Baru padan muka kau itu..... <i>(ketawa bangga)</i> .
MATAHARI:	<i>(Memandang ke arah penonton semua)</i> Wahai manusia, siapakah yang kamu mahu rapati. Aku atau angin? <i>(Suara lantang)</i>
SUARA LATAR:	<i>(Suara ramai dari bawah)</i> kami mahukan Angin.....kerana kami sangat kepanasan!
MATAHARI:	Celaka kalian manusia. Kepanasan yang kamu alami itu bukan kerana panahan sinar kami.....Sebenarnya kehangatanmu itu adlah akibat pollition <i>(Geram)</i> Baiklah jika kalian hendak

	merakasana penanganku, nah terimalah ini habuan kalian semua (<i>ketawa berdekah-dekah</i>).
SUARA LATAR:	Aduh.....panasnya! Panas terik begini bagaikan dalam neraka jahanam? (<i>Suara bergema</i>)
MATAHARI:	(<i>Ketawa kuat</i>) rasakanlahMintalah pertolongan daripada sahabat baikmu itu! (<i>Ketawa lagi</i>).
SUARA LATAR:	(<i>Merayu</i>) Wahai Angin, datanglah Angin, tolong aku, tolong! Matahari mengganggu aku.
ANGIN:	Kau dengar tak Matahari? Dengan itu! Bukankah manusia memanggil aku? Meminta jasa baik aku! Sebaliknya mereka membenci kau. (<i>Menyampah</i>). (Dipetik daripada drama Angin karya Basaruddin Abdul Razak)

7	Mengapakah angin merasakan bahawa dirinya disanjung oleh manusia?
A	Manusia memerlukan angin dalam kehidupan
B	Manusia memuja angin melalui lagu dan puisi.
C	Manusia berasa gembira apabila angin bertiup.
D	Manusia sentiasa menantikan kehadiran angin.

8.	Matahari dikatakan selalu menyusahkan manusia kerana
A	Menyebabkan aktiviti manusia terjejas.
B	Menyebabkan kebakaran apabila musim kering.
C	Menyebabkan kehidupan manusia kurang selesa.
D	Menyebabkan manusia berpeluh apabila bersinar.

9.	Pertelagahan Angin dan Matahari dapati disamakan dengan
A	Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
B	Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis.
C	Orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah.
D	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.

10.	Latar masa pertelingkahan antara angin dan matahari berlaku pada
A	Waktu tengah hari
B	Waktu tengkujuh.
C	Waktu kemarau
D	Musim panas.

11	Apakah pengajaran paling tepat yang diperoleh daripada petikan tersebut?.
A	Setiap kejadian mempunyai kelebihan dan kekurangan.
B	Jangan mendabik dada dengan keistimewaan yang dimiliki.
C	Hidup perlu saling membantu untuk mendapatkan keberkatan.
D	Membesar-besarkan diri sendiri merupakan perbuatan yang keji.

12	Bagaimanakah keadaan bumi sekiranya Angin dan Matahari terus mempertahankan kelebihan masing-masing?
A	Ekologi alam terganggu
B	Keamanan bumi terjejas
C	Bumi mengalami kemusnahan
D	Berlaku bencana alam yang dahsyat.

Soalan 13 hingga soalan 18

Baca petikan dibawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Setelah hari siang, maka baginda pun terkejut daripada beradu. Maka dicitum baginda tubuhnya baunya narwatu, dan dilihat baginda kalamnya pun seperti sudah khatan. Maka pada hati Raja kecil besar, “bahawa aku ini bermimpi rupanya, bukannya setan”.

Maka mulut baginda pun menyebut kalimah syahadat, tiada berhenti lagi. Maka segala dayang-dayang di dalam istana baginda pun hairanlah mendengar yang disebut raja itu. Maka kata raja perempuan, “Entah kena setan gerangan raja ini, atau gilakah gerangannya? Baik kita segera beritahu bendahara”.

Maka dayang-dayang pun pergi memberitahu bendahara. Maka ia pun segera datang lalu masuk ke dalam istana. Maka dilihat Bendahara, raja belum berhenti menyebut kalimah syahadat. Maka sembah Bendahara, “Bahasa mana yang disebut raja ini?”.

Maka titah raja, “semalam beta bermimpi, berpandangan dengan keelokan hadiat Nabi s.a.w.”

Maka segala mimpi baginda itu semuanya dikatakannya pada Bendahara. Maka sembah Bendahara, “jikalau benar mimpi raja, apa alamatnya?”.

Maka kata raja, “alamatnya kalam beta seperti dikhatankan orang, itulah tanda sah beta bermimpi Rasulullah Salallahu alahi wasallam. Lagi sabda junjungan pada hamba, “Asar sekarang datang sebuah kapal dari Judah, turun orangnya lalu sembahyang di pantai Melaka ini,” katanya, “turut olehmu barang katanya.”

Maka bendahara pun hairanlah melihat kalam raja seperti dikhatankan orang rupanya. Maka kata bendahara. “Jikalau sungguh datang sebuah kapal asar ini benarlah mimpi raja itu: jikalau tiada, bahawa setanlah mengharu raja.”

Maka titah baginda, “Benarlah kata bapa hamba itu.”

Maka Bendahara pun kembalilah ke rumahnya.

(Dipetik daripada Antologi Sehijau Warna Daud)

13	Mengapakah Bendahara dipanggil ke istana?
A	Untuk bertanyakan mimpi raja
B	Untuk mentafsirkan mimpi raja
C	Untuk mencari punca perubahan pada diri raja.
D	Untuk mengembalikan ingatan Raja Kecil Besar.

14	Perubahan-perubahan yang berikut terjadi kepada Raja Kecil Besar selepas bermimpi bertemu dengan Rasulullah kecuali .
A	Tubuhnya berbau narwastu.
B	Kalamnya sudah terkhatan.
C	Mulutnya sentiasa menyebut kalimah syahadat.
D	Sentiasa termenung akibat memikirkan mimpinya.

15	Latar masa cerita di atas berlaku pada waktu
A	Siang.
B	Malam.
C	Tengah malam.
D	Subuh.

16.	Apakah nama Raja Kecil Besar setelah memeluk agama Islam?
A	Seri Amar Diraja
B	Seri Nara Diraja
C	Sultan Muhammad Syah.
D	Sultan Ahmad Shah.

17	Penggunaan perkataan Nabi, Rasulullah dan Asar dalam petikan di atas adalah contoh bagi gaya bahasa
A	Istana.
B	Klasik.
C	Arab.
D	Simile.

18	Apakah kesudahan cerita Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka?
A	Raja Kecil digantikan oleh Bendahara.
B	Raja Kecil Besar dan rakyatnya memeluk agama Islam.
C	Rakyat Melaka beramai-ramai melihat Saiyid Abdul Aziz bersolat di tepi pantai Melaka.
D	Saiyid Abdul Aziz menyebarkan agama Islam di kalangan rakyat Melaka

Soalan 19 hingga soalan 24

Baca puisi tradisional di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

SYAIR TENAGA PEMUDA	
1.	Tenaga pemuda kalau diasuh, Pimpin dan didik kotor dibasuh, Tidaklah ia menjadi lusuh, Amat berguna menentang musuh.
5.	Tenaga pemuda memang terbilang, Tenaga yang sedang gilang-gemilang, Beban yang berat dapat dijulang, Benda yang jauh dapat dijelang.
10.	Tenaga pemuda tenaga bererti, Tenaga yang berani menempah mati, Tidak mengenal erti mati, Hanya penuh kemahuan mesti.
15.	Tenaga pemuda mestilah sayang, Jangan dibiarkan lemah dan goyang, Di waktu muda tenaga kencang, Berani sampai berputih tulang.
20.	Tenaga pemuda kalau dijaga, Kelak akhirnya sangat berharga, Tenaga yang menjadi harapan bangsa, Gagah berani mempertahankan bangsa.

19	Apakah yang dimaksudkan oleh penyair dengan kotor dibasuh ?
A	Kelemahan diri dijauhi
B	Kekuatan diri disatukan
C	Hasad dengki perlu dijauhi
D	Kekurangan diri diperbaiki

20	Mengapakah tenaga pemuda perlu dijaga?
A	Supaya dapat memajukan ekonomi negara.
B	Supaya dapat mempertahankan kedaulatan negara
C	Supaya tidak terjebak dengan penyalahgunaan dadah
D	Supaya tidak lemah dan mudah dipengaruhi oleh musuh negara.

21	Apakah tema yang bersesuaian dengan <i>Syair Tenaga Pemuda</i> ?
A	Pedoman hidup untuk generasi muda.
B	Nasihat kepada anak-anak muda
C	Kepentingan menjaga tenaga pemuda.
D	Tanggungjawab mendidik pemuda.

22	Antara yang berikut, yang manakah bukan persoalan yang terdapat dalam <i>Syair Tenaga Pemuda</i> ?
A	Menghargai tenaga pemuda.
B	Kekuatan tenaga pemuda.
C	Kepentingan membimbing pemuda.
D	Tanggungjawab mendidik pemuda.

23	Frasa <i>kelak akhirnya sangat berharga</i> pada rangkap akhir syair di atas ialah contoh bagi unsur gaya bahasa
A	Inversi.
B	Asonansi.
C	Perlambangan.
D	Anafora.

24	Semua yang berikut adalah benar tentang bentuk <i>Syair Tenaga Pemuda</i> kecuali
A	Syair ini mempunyai lima rangkap.
B	Setiap rangkap mempunyai empat baris.
C	Setiap baris terdiri daripada empat hingga lima patah perkataan.
D	Jumlah suku kata yang terpanjang terdapat pada baris rangkap yang kedua.

Soalan 25 hingga Soalan 32
Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih perkataan yang paling sesuai.

25	Tuan Pengetua sentiasa memberikan Tentang masalah disiplin pelajar ketika berucap pada perhimpunan pagi sekolah.
A	Tumpuan
B	Makluman
C	Penjelasan
D	Penekanan

26	Kain-kain yang diseterikanya itu menjadi bertingkat-tingkat lalu disimpan di dalam almari.
A	Disusun
B	Dibuat
C	Diatur
D	Dilonggok

27	Agensi-agensi pelancongan yang perjalanan ke tempat-tempat peranginan di negara ini diingatkan supaya tidak menipu pengguna dengan pakej yang ditawarkan.
A	Menggerakkan
B	Mengaturkan
C	Menjalankan
D	Merancangkan

28	Dawai telefon akan mengendur pada waktu panas dan akan pada waktu sejuk.
A	Mengecut
B	Melebeh
C	Meregang
D	Mengembang

29	Semua maklumat yang diperoleh daripada pegawai penyiasat itu akan terlebih dahulu sebelum tangkapan dilakukan.
A	Dikaji
B	Diamati
C	Diperiksa
D	Dipelajari.

30	Permainan tradisional patut diketengahkan supaya dapat seni budaya bangsa.
A	Mengaya
B	Mengayai
C	Memperkaya
D	Memperkayai

31	Daripada nya, saya dapat merasakan bahawa dia tidak menyetujui keputusan itu.
A	Bangun tubuh.
B	Air muka.
C	Paras rupa
D	Bentuk muka

32	Orang yang berjudi itu apabila dikejar oleh pihak polis semalam.
A	Kelam-kabut.
B	Bolak-balik
C	Lentam-lentum
D	Pontang-panting

Soalan 33 hingga Soalan 40

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika terdapat kesalahan, **kesalahan itu telah ditanda** dengan **A, B,** atau **C** .

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

33	Ekonomi Malaysia dijangka <u>pulih</u> sepenuhnya tahun ini berdasarkan <u>pada</u> ramalan yang <u>dikeluarkan</u> oleh Bank Dunia baru-baru ini. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Pulih
B	Pada
C	Dikeluarkan
D	Tiada kesalahan

34	Kemalangan jalan raya yang <u>membabitkan</u> motosikal mencatatkan <u>peratusan</u> yang paling tinggi <u>sekali</u> berbanding dengan bas dan kereta. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Membabitkan
B	Peratusan
C	Sekali.
D	Tiada kesalahan

35	Demi <u>untuk</u> menjaga hubungan baik <u>antara</u> suami dengan ibu mertuanya, Suhaiza sanggup <u>membiarkan</u> dirinya makan hati berulam jantung. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Untuk
B	Antara
C	Membiarkan
D	Tiada kesalahan

36.	Ceramah yang disampaikan <u>banyak</u> menerangkan <u>tentang</u> teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Banyak
B	Tentang
C	Teknik-teknik
D	Tiada kesalahan

37.	Pelajar universiti itu sedang membuat <u>pemantauan</u> berkaitan <u>gelagat</u> pengguna jalan raya dari semasa ke <u>masa</u> . <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Pemantauan
B	Gelagat
C	Masa
D	Tiada kesalahan.

38.	<u>Berguni</u> barangan makanan digugurkan <u>dari</u> udara oleh kapal terbang Amerika <u>untuk</u> bantuan kecemasan pelarian Timor Timor. <u>Tiada kesalahan</u>
A	Berguni
B	Dari
C	Untuk
D	Tiada kesalahan

39.	Laporan jawatankuasa <u>yang</u> mengkaji kebajikan <u>guru-guru</u> di negara ini sudah <u>diperakukan</u> oleh kerajaan baru-baru ini. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Yang
B	Guru-guru
C	Diperakukan
D	Tiada kesalahan

40	Pegawai bank itu sedang <u>memperhalus</u> borang permohonan pinjaman perumahan itu <u>terlebih</u> dahulu <u>sebelum</u> memberikan kelulusan. <u>Tiada kesalahan.</u>
A	Memperhalus
B	Terlebih
C	Sebelum
D	Tiada kesalahan

Soalan 41 hingga Soalan 46

Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digariskan. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu **salah** dan *perlu diubah*, **anda hendaklah menandakan A, B atau C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan** tandakan **D**.

41	Pihak polis <u>mengesahkan</u> bahawa <u>penangkapan</u> itu terpaksa dilakukan demi keselamatan negara.
A	Mengesah akan penangkapan.
B	Mengesahkan bahawa tangkapan.
C	Mengesahkan tangkapan
D	Mengesahkan bahawa penangkapan.

42	Selepas mandi, Rani menyikat rambutnya dan <u>memperkenankan reben yang berwarna-warni.</u>
A	Mengenakan reben yang berwarna-warni.
B	Mengenakan reben yang warna-warna
C	Mengenai reben yang berwarna-warni.
D	Memperkenakan reben yang berwarna-warni.

43	Sekiranya ibu bapa tidak perihatin dengan anak-anak mereka <u>pengembangan pendidikan kalangan anak akan terjejas.</u>
A	Perkembangan pendidikan akan menjejas di kalangan anak-anak
B	Perkembangan pendidikan di kalangan anak mereka akan terjejas.
C	Pengembangan di kalangan pendidikan anak-anak mereka terjejas.
D	Pengembangan pendidikan kalangan anak akan terjejas.

44	<u>Para-para pelajar di era teknologi maklumat perlu menguasai kemahiran menggunakan komputer bagi meningkatkan pencapaian mereka.</u>
A	Para-para pelajar pada zaman era teknologi maklumat perlu.
B	Pelajar-pelajar di zaman era teknologi maklumat perlu
C	Pelajar-pelajar pada era teknologi maklumat perlu.
D	Para-para pelajar di era teknologi perlu

45	Ibu yang baik akan sentiasa <u>sayangi kesemua anaknya</u> tanpa ada yang kurang ataupun yang lebih.
A	Menyayangi semua anak-anaknya.
B	Sayang akan semua anaknya
C	Menyayangi akan semua anaknya
D	Sayangi kesemua anaknya

46	Banyak perkara baru yang <u>dapat kami mendengar semasa balik kampung</u> baru-baru ini.
A	Dapat kami dengar sewaktu balik ke kampung.
B	Kami dapat mendengar semasa balik ke kampung.
C	Kami dapat mendengarnya sewaktu balik kampung.
D	Dapat kami mendengar semasa balik kampung.

Soalan 47 hingga soalan 50

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

47	Pusat perubatan swasta digesa supaya menilai kadar bayaran yang dikenakan semula agar tidak terlalu membebankan pesakit, terutamanya yang berpendapatan rendah.
A	Pesakit yang berpendapatan rendah meminta pusat perubatan swasta agar mengkaji kadar bayaran yang dikenakan semula kerana kadar tersebut membebankan mereka.
B	Gesaan agar pusat perubatan swasta mengkaji kadar bayaran yang dikenakan semula dibuat oleh pesakit yang menanggung beban kerana pendapatan mereka terlalu sedikit.
C	Kadar bayaran yang dikenakan oleh pusat perubatan swasta akan diturunkan setelah gesaan dibuat oleh pesakit kerana memikul beban tersebut.
D	Kajian semula perlu dibuat oleh pusat perubatan swasta terhadap kadar bayaran yang dikenakan terhadap pesakit agar tidak terlalu membebankan, khususnya golongan miskin.

48.	Pengusaha kedai emas telah diingatkan berkali-kali oleh pihak polis agar memasang kamera litar tertutup di premis perniagaan mereka.
A	Kedai peniaga emas dipasang kamera litar tertutup kerana pengusahanya telah diingatkan oleh pihak polis sekali.
B	Peniaga kedai emas berkali-kali memasang kamera litar tertutup di kedai mereka kerana telah diberitahu oleh pihak polis.
C	Kamera yang tertutup litarnya telah dipasang di premis pengusaha kedai emas oleh mereka kerana pihak polis asyik menyuruh mereka berbuat demikian.
D	Pihak polis kerap mengingatkan peniaga barang-barang kemas agar premis perniagaan mereka dipasang kamera litar tertutup.

49.	Benteng pemecah ombak dibina di sepanjang pantai itu untuk mengelakkan hakisan daripada bertambah buruk dan merosakkan kawasan pantai.
A	Untuk mengelakkan kawasan pantai itu daripada menjadi bertambah rosak akibat hakisan, di sepanjang pantai itu dibina benteng pemecah ombak.
B	Kawasan pantai itu bertambah rosak dan buruk kerana benteng yang dibina di sepanjang pantai mengelakkan ombak daripada pecah.
C	Benteng dibina di sepanjang kawasan pantai itu supaya ombak pecah dan pantai yang rosak dan buruk itu tidak terhakis.
D	Pantai itu bertambah rosak kerana benteng yang dibina untuk mencegah ombak daripada pecah dan menghakis kawasan di sepanjang pantai itu.

50.	Beberapa buah negara yang dijemput untuk memeriahkan kejohanan tersebut masih belum mengesahkan penyertaan mereka hingga saat ini.
A	Hingga saat ini, negara-negara yang dijemput untuk memeriahkan beberapa kejohanan tersebut masih belum memberikan kata putus mereka.
B	Penyertaan beberapa buah negara jemputan untuk memeriahkan kejohanan tersebut belum lagi disahkan oleh mereka hingga sekarang.
C	Beberapa buah negara sah belum memberikan jawapan mereka sama ada hendak memeriahkan kejohanan jemputan tersebut ataupun tidak hingga masa ini.
D	Peserta dari beberapa buah negara dalam kejohanan tersebut belum disahkan oleh negara tuan rumah yang memeriahkan jemputan tersebut hingga saat ini.

Soalan 51 hingga Soalan 52

Pilih **peribahasa yang paling sesuai** bagi soalan-soalan di bawah ini.

51	Datuk Marzuki tidak kekok bergaul dengan orang-orang kampung. Malah, dia bergaul dengan sesiapa saja tanpa mengira pangkat dan darjat. Keadaan ini menunjukkan Datuk Marzuki tahu bahawa
A	Jauhari juga yang mengenal manikam.
B	Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi.
C	Jika ular menyusur akar, tiada hilang biasanya.
D	Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.

52	Fatimah menolah pinangan anak Pak Busu. Bagi Fatimah, walaupun pemuda itu tampan, namun dia tidak menggemari tingkah laku pemuda itu yang kurang sopan. Keadaan pemuda itu seperti
A	Minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga.
B	Bunga dedap, sungguh merah berbau tidak.
C	Kiambang di air, akarnya tidak jejak di bumi.
D	Buah kepayang, di makan mabuk dibuang sayang.

Soalan 53 hingga soalan 56

Pilih ayat-ayat yang menggunakan dengan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

53	I	Tangan gadis itu terikat pada sebatang pokok di tebing sungai semasa ditemui oleh pihak polis.
	II	Pelajar-pelajar yang diberi biasiswa oleh syarikat swasta itu terikat dengan syarat-syarat yang dikenakan.
	III	Buah-buah rambutan yang dipetik oleh abang pada pagi tadi masih belum terikat.
	IV	Pak Kamat menggunakan rotan untuk terikat kayu-kayu api yang dipotong oleh anaknya.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan III sahaja
	C	I, II dan IV sahaja
	D	II, III dan IV sahaja.

54	I	Bomoh tua di hujung kampung itu dipercayai memiliki ilmu ghaib.
	II	Kapal tangki itu akhirnya ghaib di tengah lautan yang bergelora.
	III	Baginda ghaib bersama-sama dengan pengiringnya semasa berburu di dalam hutan.
	IV	Sehingga hari ini, seluruh penduduk kampung itu masih memperkatakan ghaib itu.
	A	I dan II sahaja
	B	III dan IV sahaja
	C	I, II dan III sahaja
	D	I, III dan IV sahaja.

55	I	Setiap manusia mempunyai haluan hidup masing-masing yang ingin dicapai.
	II	Haluan kata buku hasil tulisan pengarang terkemuka itu disunting oleh seorang pakar bahasa.
	III	Dia suka duduk di haluan perahu ketika memancing ikan di tasik tersebut.
	IV	Pendatang-pendatang asing yang tidak mempunyai permit biasanya lari lintang pukang tidak tentu haluan apabila terlihat pihak berkuasa.
	A	I dan III sahaja
	B	I, III dan IV sahaja
	C	II, III dan IV sahaja
	D	I, II, III dan IV sahaja

56	I	Gaya Ramli yang suka bergaduh tidak digemari oleh rakan-rakan sekelasnya.
	II	Wanita itu ada gaya seorang model disebabkan penampilannya yang sentiasa menarik perhatian.
	III	Keistimewaan pengarang itu ialah gaya bahasanya yang mampu mencuit hati pembaca.
	IV	Rumah itu dibina mengikut gaya barat kerana pemiliknya mendapat pendidikan di sana.
	A	I dan II sahaja
	B	III dan IV sahaja
	C	I, II dan III sahaja
	D	II, III dan IV sahaja.

Soalan 57 hingga soalan 60

Pilih ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

57	I	Kerja-kerja pembersihan, termasuk di kawasan pasar boleh dilaku dengan mudah sekiranya terdapat kerjasama di kalangan peniaga.
	II	Berbagai cara dilakukan untuk mendidik masyarakat agar menjaga kebersihan kawasan mereka.
	III	Manusia dilahirkan dengan akal untuk berfikir dan menentukan hala tuju hidup mereka pada masa hadapan.
	IV	Penubuhan pasukan bomba sukarela disusuli dengan pelbagai aktiviti yang diadakan dari semasa ke semasa
	A	I dan II sahaja
	B	I dan III sahaja
	C	II dan IV sahaja
	D	III dan IV sahaja

58	I	Mana murid yang belum menjelaskan yuran peperiksaan diingatkan supaya segera berbuat demikian.
	II	Pemuda yang kami sangka baik itu rupa-rupanya seorang penjenayah yang dikehendaki oleh polis.
	III	Pihak sekeolah tidak akan bertanggungjawab terhadap kenderaan yang kena curi di dalam kawasan sekolah.
	IV	Arni keluar dari biliknya secara diam-diam agar tidak disedari oleh sesiapaupun.
	A	I dan II sahaja
	B	III dan IV sahaja
	C	I, III dan IV sahaja
	D	II, III dan IV sahaja

59	I	Mereka telah bermesyuarat selama tiga jam tetapi masih belum dapat membuat sebarang keputusan.
	II	Keputusannya itu benar-benar memeranjatkan kami.
	III	Dia terpaksa menjual keretanya kerana kerumitan wang belanja.
	IV	Perhubungan di antara Kelantan dan Terengganu telah tergendala akibat banjir.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan IV sahaja
	C	I dan III sahaja
	D	III dan IV sahaja

60	I	Matanya bergerak ke atas ke bawah memerhatikan tingkah laku orang tua itu.
	II	Harga makanan di kedai itu lebih sedikit dari harga biasa pada kedai lain.
	III	Mereka mahu pergi ke Pulau Langkawi atau Pulau Pangkor pada minggu lepas.
	IV	Adik membawakan saya secawan kopi sewaktu saya duduk-duduk di bawah pokok.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan IV sahaja
	C	I dan III sahaja
	D	III dan IV sahaja.

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN OBJEKTIF 1-60

1	C	2	D	3	B	4	D	5	A
6	A	7	A	8	C	9	D	10	D
11	A	12	D	13	C	14	D	15	A
16	C	17	C	18	B	19	D	20	B
21	C	22	D	23	A	24	D	25	D
26	A	27	B	28	D	29	A	30	C
31	B	32	D	33	B	34	C	35	A
36	B	37	C	38	A	39	D	40	A
41	C	42	A	43	B	44	C	45	A
46	A	47	D	48	D	49	A	50	B
51	C	52	B	53	A	54	C	55	B
56	D	57	D	58	D	59	A	60	B